

ADDENDUM

BAGI

***GUIDELINES ON IMPLEMENTATION OF WATER FLUORIDATION
PROGRAMME IN MALAYSIA***

Kaji Semula: Tahun 2015

ADDENDUM

GUIDELINES ON IMPLEMENTATION OF WATER FLUORIDATION PROGRAMME IN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Dokumen *Guidelines on Implementation of Water Fluoridation Programme in Malaysia*¹ telah dikeluarkan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2006 sebagai panduan dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program pemfluoridaan bekalan air awam di negara ini.

Setiap tahun, mesyuarat dan perbincangan diadakan di peringkat nasional, negeri dan daerah bersama-sama dengan agensi-agensi yang terlibat dengan pelaksanaan program pemfluoridaan, seperti Bahagian Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia, syarikat-syarikat konsesi air dan loji-loji rawatan air. Ini bertujuan menangani isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program pemfluoridaan di negara ini. Namun begitu, masih terdapat beberapa aspek yang perlu ditambahbaik untuk memantapkan program ini.

Dua mesyuarat telah diadakan pada tahun 2014 dan 2015 bagi membincang dan membangunkan prosedur-prosedur kerja seperti yang terkandung dalam *addendum* ini bagi penambahbaikan program pemfluoridaan, iaitu:

1. Mesyuarat Penyelaras Negeri Program Pemfluoridaan pada 18 September 2014
2. Mesyuarat **Jawatan Kuasa Induk Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam BKPKKM bil 1/2015** pada 19 Mei 2015.

Hasil dari kedua-dua mesyuarat tersebut, prosedur-prosedur kerja dan senarai semak telah dibangunkan dan ianya perlu dibaca bersama-sama dengan dokumen *Guidelines on Implementation of Water Fluoridation Programme in Malaysia* yang sedia ada.

PENAMBAHBAIKAN APPENDIX 3 (muka surat 37)

- *Monitoring Fluoride Levels of the Water Supply at Reticulation by Oral Health Personnel* ditambahbaik dan tajuk dipinda kepada **Prosedur Pemantauan Paras Fluorida di Loji Rawatan Air dan Di Sistem Retikulasi oleh Personel Pergigian**

TAMBAHAN ARAHAN KERJA BARU

- **Arahan Kerja Pengujian Paras Fluorida dalam Sampel Bekalan Air di Loji Rawatan Air dan di Retikulasi**

¹ Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. Implementation of Water Fluoridation Programme in Malaysia. 2006.

TAMBAHAN PROSEDUR-PROSEDUR KERJA BARU

- **Permohonan dan Pemantauan Peruntukan bagi Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam di Malaysia**
 - Permohonan Peruntukan di Bawah Dasar Sedia Ada Belanja Mengurus di bawah OA 050300
 - Permohonan Peruntukan di Bawah Dasar Sedia Ada (Aset Perubatan)
 - Permohonan Peruntukan di Bawah Latihan Dalam Perkhidmatan
 - Permohonan Peruntukan di Bawah Dasar Baru/One-off
 - Permohonan Peruntukan di Bawah Projrk Pembangunan (RMK)
 - Perbelanjaan Dasar Sedia Ada
 - Pemantauan Perbelanjaan

TAMBAHAN SENARAI SEMAK

- **Senarai Semak Lawatan Ke Loji Rawatan Air (LRA) Yang Ada *Fluoride Feeder***
-

PENGHARGAAN

Penasihat

Dr Khairiyah bt Abd Muttalib
Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Jegarajan a/l N.S. Pillay
Pengarah Kawalan & Pengamalan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Kumpulan

Dr Wardati bt Hj Abd Malek
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Negeri Perak

Dr Mislih bt Ahmad
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Negeri Sabah

Dr Nors'adah bt Abdul Aziz
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
WP Labuan

Dr Tan Ee Hong
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM

Dr Fauziah bt Jaafar
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Pulau Pinang

Dr Noor Rohana Bt Kamaruddin
Pegawai Pergigian Daerah
Perak Tengah, Perak

Dr Nooraini bt Osman
Pegawai Penyelaras Pejabat Kesihatan Pergigian
Cheras, WP Kuala Lumpur

Dr Zakiah bt Muhammad
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Negeri Sembilan

Dr Chia Jit Chie
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Negeri Sarawak

Dr Loh Kim Hong
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Dr Norlida bt Abdullah
Timbalan Pengarah,
Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM

Dr Tay Hong Luk
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Perlis

Dr Jamaliah Omar
Pegawai Pergigian Daerah
Kota Setar/Pendang, Kedah

Dr Mazlina bt Mat Desa
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Selangor

Dr. Azura bt Abdullah
Pegawai Penyelaras Pejabat Kesihatan Pergigian
Titiwangsa, WP Kuala Lumpur

Dr Norizan bt Othman
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Melaka

Dr Muz'ini bt Mohammad
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Johor
Dr Rusli b Ismail
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Terengganu

Dr Norinah Bt Mustapha
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Sabah

Dr. Ishak Shaifuddin Bin Ibrahim
Pegawai Pergigian Daerah
Temerloh, Pahang
Dr Kamariah bt Seman
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian, Kelantan

Dr Roslina Mohd Fadzillah Mah
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Kesihatan Pergigian, Sarawak

**PROSEDUR PEMANTAUAN PARAS FLUORIDA DI LOJI RAWATAN AIR DAN DI SISTEM RETIKULASI
OLEH
PERSONEL PERGIGIAN**

1. PERSONEL

- Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah (PPGKA/PPD) perlu memastikan personel dilantik dan dilatih mengenai prosedur pengambilan sampel dan pengujian sampel air.
- Personel yang dilantik perlu dilatih dalam kaedah pengujian/analisa sampel air mengikut Prosedur Kerja Standard yang digariskan seperti di bawah.

2. PENGAMBILAN SAMPEL AIR

- Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah (PPGKA/PPD) perlu mengenalpasti dan menyenarai loji rawatan air (LRA) serta sekurang-kurangnya satu lokasi retikulasi representatif yang telah dikenalpasti oleh Unit KMAM (Unit Kawalan Mutu Air Minum) di setiap daerah bagi pengambilan sampel air.
- Sampel air perlu sentiasa diambil dari lokasi yang sama.

3. PROSEDUR PENSAMPELAN

- Sampel perlu diambil dengan botol plastik yang bersih (lihat arahan kerja bil. 2). Sekurang-kurangnya 100 ml air perlu diambil untuk penganalisan. Sampel yang diambil perlu dilabel dengan tarikh dan lokasi pengambilan.
- Bagi LRA dengan *fluoride feeder* (FF) yang berfungsi, sampel perlu diambil **sekurang-kurangnya** dua (2) kali sebulan di lokasi retikulasi dan sekali sebulan di Loji Rawatan Air (LRA).
- Bagi LRA dengan FF yang tidak berfungsi (FF rosak atau tiada bekalan bahan fluorida), sampel perlu diambil **sekali setiap bulan** di lokasi retikulasi.
- Bagi LRA tanpa FF, sampel diambil satu (1) kali **setiap tiga (3) bulan** di lokasi retikulasi (bagi memantau kandungan fluorida semula jadi jika ada).
- Botol bagi sampel air perlu ditutup sehingga dianalisa di klinik pergigian/LRA.

4. PROSEDUR PENGANALISAAN

- Pengukuran paras fluorida dijalankan dengan kaedah *colorimetric* atau *spectrophotometric* (SPANDS, iaitu sodium 2-(p-sulfophenyl azo)-1,8-dihydroxy-3, 6-naphthalene disulfonate) menggunakan HACH Pocket Colorimeter.
- Sampel perlu dianalisa pada suhu bilik seberapa segera yang boleh, seelok-eloknya dalam masa **72 jam** setelah diambil dari lokasi persampelan.
- Penyimpanan: Sampel boleh disimpan jika perlu selama 7 hari pada suhu 4 °C atau lebih rendah. Sampel perlu dianalisa pada suhu bilik.²
- Sekiranya sampel disimpan melebihi 72 jam pada suhu bilik, sampel air perlu dihapuskan dan sampel air baru perlu diambil.
- Prosedur terperinci pengukuran paras fluorida digariskan dalam **Arahan Kerja Pengujian Paras Fluorida di dalam Sampel Bekalan Air di Loji Rawatan Air dan di Retikulasi**.
- Sampel air yang diuji dan sampel “*blank*” perlu diuji dalam keadaan dan masa yang sama.
- Personel berkenaan perlu membuat analisa dan melengkapkan borang berkaitan (borang rekod analisa mingguan dan borang PKP 204), dan dihantar kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah (PPGKA/PPD) setelah ditandatangani.
- Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah perlu semak proses analisa dan keputusan analisa secara rawak dan berkala.

5. ALAT PENGUKUR

Adalah penting arahan pengilang dipatuhi semasa menggunakan alat pengukur paras fluorida

- Alat *Pocket Colorimeter™ II* adalah dikalibrasi di kilang dan kalibrasi pengguna tidak diperlukan.¹
- Semua *colorimeter* perlu disemak ketepatan bacaan (*Accuracy check*) setiap bulan. Semakan ini boleh dilakukan dengan *Standard Solutions Methods*. Gunakan *fluoride standard solution* 1.0 mg/L bagi prosedur semakan ini.
- Kalibrasi tidak diperlukan secara rutin. Kalibrasi dibuat hanya jika ada kerosakan alat ini.

² *Pocket Colorimeter™ II Analysis System Instruction Manual Fluoride (F)*. Hach Company. 2006.

- Penyeragaman alat pengukur perlu diadakan di satu pusat setiap tahun di setiap negeri/zon.

6. LAPORAN HASIL ANALISA

- Personel bertanggungjawab perlu merekod keputusan analisa dalam borang rekod analisa mingguan (Borang FI-AM) seperti di **Lampiran 1**.
- Keputusan analisa yang tidak menepati paras piawai yang ditetapkan (0.4 - 0.6 ppm) perlu dilaporkan kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah (**rujuk Jadual 1**).
- Maklumat dari borang rekod analisa mingguan (Borang FI-AM) dipindah ke dalam borang PKP 204 setiap bulan bagi LRA yang ada FF.
- Bagi LRA yang tiada FF, maklumat paras fluorida dipantau setiap 3 bulan dan rekod disimpan di peringkat daerah/penyelaras negeri.
- Laporan bulanan perlu dihantar kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah dan Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Penyelaras Negeri.

7. PENGAWALSELIAAN/ PROSEDUR LANGKAH PEMULIHAN

Setelah menerima laporan ketidakpatuhan paras optimum fluorida, Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah perlu memaklumkan pihak loji rawatan air dengan kadar segera yang boleh.

Selain daripada itu, Pakar Pergigian Kesihatan Awam/Pegawai Pergigian Daerah perlu berhubung dengan Pegawai Kesihatan Daerah bagi tindakan lanjut seperti yang digariskan dalam dokumen *National Standards for Drinking Water Quality*.³

³ Engineering Services Division, Ministry of Health Malaysia. *National Standard for Drinking Water Quality*. Revised December 2000. Second Version, January 2004.

TINDAKAN PEMBETULAN

Jadual berikut menunjukkan syor-syor tindakan yang perlu diambil jika berlaku ketidakpatuhan paras optimum fluorida berdasarkan panduan dan syor-syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia^{4,5,6} serta panduan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia.²

Jadual 1: Pemberitahuan Laporan Ketidakpatuhan

Paras Fluorida (ppm)	Tindakan yang disyorkan
Kurang daripada 0.4 atau lebih daripada 0.6 dan tidak melebihi 1.0	(1) Ulangi pengujian sampel. (2) Jika keputusan <0.4 or > 0.6 tetapi ≤ 1 , maklum kepada pihak LRA mengenai hasil ujian berkenaan dalam masa 3 hari bekerja.
Lebih daripada 1.0	(1) Ulangi pengujian sampel. (2) Jika keputusan masih > 1.0, maklum kepada pihak LRA mengenai hasil ujian berkenaan dengan segera. Pegawai Pergigian Daerah perlu berhubung segera (dalam masa 24 jam) dengan Pegawai Kesihatan Daerah atau pihak LRA berkenaan untuk menyiasat puncanya. Rujuk kepada Para 4.7 Remedial Action Procedures bagi dokumen berikut: <i>Engineering Services Division, Ministry of Health Malaysia. National Standard for Drinking Water Quality. Revised December 2000. Second Version, January 2004.</i>

8. PENYIMPANAN REKOD

- Semua laporan di peringkat daerah perlu dicantum di peringkat negeri dan dihantar kepada Bahagian Kesihatan Pergigian setiap tiga (3) bulan (Format FPS1/2006 pindaan 2014) dan setiap tahun (Format FPS1/2006).
- **Penyimpanan rekod yang tepat dan lengkap, termasuk tindakan pencegahan dan pembetulan adalah sebahagian daripada pengawalseliaan paras fluorida dalam air.**

⁴ World Health Organization. *Fluoride and oral health. Report of a WHO Expert Committee on Oral Health Status and Fluoride Use. Technical Report Series No 846. Geneva: World Health Organisation. 1994. (The optimal concentration of fluoride varies according to climatic conditions with the range 0.5-1.0mg/L being recommended)*


⁵ World Health Organization 1984 *Guidelines for Drinking Water Quality. Volume 2. Health criteria and Other Supporting Information, WHO, Geneva. – (A guideline value of 1.5 mg/L was recommended by WHO as a level at which dental fluorosis should be minimal)*

⁶ World Health Organization 2004. *Fluoride in Drinking-water Background document for development of WHO Guidelines for Drinking-water Quality. – (“The 1.5 mg l⁻¹ fluoride guideline value that was set in 1984 was subsequently re-evaluated by WHO and it was concluded that there was no evidence to suggest that it should be revised”)*

Rujukan

1. *Pocket Colorimeter™ II Analysis System Instruction Manual Fluoride (F)*. Hach Company. 2006.
2. *Engineering Services Division, Ministry of Health Malaysia. National Standard for Drinking Water Quality. Revised December 2000. Second Version, January 2004.*
3. *World Health Organization. Fluoride and oral health. Report of a WHO Expert Committee on Oral Health Status and Fluoride Use. Technical Report Series No 846. Geneva: World Health Organization. 1994. (The optimal concentration of fluoride varies according to climatic conditions with the range 0.5-1.0mg/L being recommended)*
4. *World Health Organization 1984 Guidelines for Drinking Water Quality. Volume 2. Health criteria and Other Supporting Information, WHO, Geneva. – (A guideline value of 1.5 mg/L was recommended by WHO as a level at which dental fluorosis should be minimal)*
5. *World Health Organization 2004. Fluoride in Drinking-water Background document for development of WHO Guidelines for Drinking-water Quality.- (“The 1.5 mg l⁻¹ fluoride guideline value that was set in 1984 was subsequently re-evaluated by WHO and it was concluded that there was no evidence to suggest that it should be revised”)*

**ARAHAN KERJA UJIAN PARAS FLUORIDA DI DALAM SAMPEL BEKALAN AIR DI LOJI RAWATAN AIR
DAN DI LOKASI RETIKULASI**

Tanggungjawab	Bil	Tindakan
Pembantu Pembedahan Pergigian/Anggota yang dikenalpasti	1	<p>Guna botol kaca atau plastik. Labelkan botol untuk sampel air , catatkan pada botol tersebut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama Loji Rawatan Air (LRA) • Nama Retikulasi • Tarikh diambil • Masa
Pembantu Pembedahan Pergigian/Anggota yang dikenalpasti	2	<p>Ambil sampel air di LRA dan di retikulasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilas bekas sekurang-kurangnya dua kali dengan sampel air yang hendak diambil • Ambil sampel tidak kurang dari 100mL • Simpan sampel pada suhu bilik • Buat pengujian paras fluorida pada hari yang sama.
Pembantu Pembedahan Pergigian/Anggota yang dikenalpasti	3	<p>Kaedah ujian paras fluorida di dalam bekalan air: Analisa "SAMPEL" dan "BLANK" dalam keadaan dan masa yang masa.</p> <p>3.1 Hidupkan Pocket Colorimeter . Tekan butang 'Power'. Pastikan tanda anak panah  dalam skrin menunjukkan <i>Channel 2</i> untuk <i>Accuvac Method</i></p> <p>3.2 Isikan sekurang-kurangnya 40mL sampel air di dalam bikar.</p> <p style="padding-left: 40px;">Isikan sekurang-kurangnya 40mL '<i>deionized water</i>' (air suling) di dalam bikar yang lain.</p> <p>3.3 Isikan sampel air ke dalam ampul '<i>SPADNS Fluoride AccuVac</i>' dengan cara mematahkan muncung ampul di dalam bikar berisi sampel air dan pastikan muncung ampul tenggelam sehingga ampul dipenuhi sampel air. Campuran ini dipanggil 'sampel'.</p> <p>3.4 Isikan '<i>deionized water</i>' (air suling) ke dalam ampul '<i>SPADNS Fluoride AccuVac</i>' dengan cara mematahkan muncung ampul di dalam bikar berisi '<i>Deionized water</i>' (air suling) dan pastikan muncung ampul tenggelam sehingga ampul dipenuhi '<i>Deionized water</i>' (air suling). Campuran ini dipanggil 'blank'</p> <p>3.5 Goncang ampul tersebut dengan cara membalik-baliknya beberapa kali sehingga sebati.</p> <p style="padding-left: 40px;">Tunggu 1 minit untuk tindak balas berlaku dengan lengkap</p>

Tanggungjawab	Bil	Tindakan
		3.6 Bersihkan kesan air dan cap jari pada permukaan luar ampul menggunakan kain lembut yang kering.
Pembantu Pembedahan Pergigian/Anggota yang dikenalpasti		<p>3.7 Letakkan ampul 'blank' dalam 'cell holder' di Pocket Colorimeter.</p> <p>3.8 Tutup ampul 'blank' dengan penutup pocket colorimeter.</p> <p>3.9 Tekan ZERO/SCROLL. Skrin paparan akan mempamerkan "----" kemudian 0.0. Keluarkan 'blank' dari 'cell holder'.</p> <p>3.10 Letakkan ampul sampel di dalam 'cell holder' di pocket colorimeter.</p> <p>3.11 Tekan READ/ENTER. Skrin paparan akan mempamerkan "----" diikuti dengan bacaan paras fluorida dalam mg/L (ppm).</p>
Pembantu Pembedahan Pergigian/Anggota yang dikenalpasti	4	Catat bacaan paras fluorida mg/L (ppm) tersebut di dalam borang rekod analisa mingguan (Borang FI-AM) yang disediakan (Lampiran 1).
Pembantu Pembedahan Pergigian/ Jururawat Pergigian /Ketua Jururawat Pergigian/Anggota yang dikenalpasti	5	Rekod bacaan paras Florida di setiap LRA dan lokasi retikulasi di dalam reten PKP 204 (pind 2/2007) bulanan, suku tahunan (format FPS 1/2006 versi Bahasa Malaysia) dan tahunan.

Rekod Analisa Mingguan Pengujian Paras Fluorida dalam Sampel Bekalan Air Awam di Loji Rawatan Air (LRA) dan Lokasi Retikulasi

Negeri:

Bulan:.....

Daerah/Klinik:.....

Tahun:.....

Bil	Nama LRA	Bacaan (ppm)										Tanda tangan	Catatan	
		Minggu 1		Minggu 2		Minggu 3		Minggu 4		Minggu 5				
		L	R	L	R	L	R	L	R	L	R			
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	

Catatan:

LRA: Loji Rawatan Air **L:** Loji **R:** Retikulasi **Tanda tangan:** Tanda tangan oleh anggota yang membuat ujian paras fluorida

Semakan dibuat oleh:

.....

Pegawai Pergigian Y/M/ Pegawai Pergigian Daerah/Pakar Pergigian Kesihatan Awam

**PERMOHONAN DAN PEMANTAUAN PERUNTUKAN BAGI PROGRAM PEMFLUORIDAAN BEKALAN AIR AWAM
DI MALAYSIA**

**PERMOHONAN PERUNTUKAN DI BAWAH DASAR SEDIA ADA BELANJA MENGRUS
DI BAWAH OA 050300**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Kenalpasti skop permohonan		Penyelaras Negeri/ TPKN(G)	Pada Disember tahun semasa
	Bahan fluorida	Dapatkan maklumat keperluan dari Jabatan JBA atau LAN termasuk berikut: 1. maklumat perbelanjaan tahun lepas 2. maklumat penggunaan bahan fluorida pada tahun lepas dan baki stok		
	Reagen	Semak penggunaan tahun lepas dan stok sedia ada serta keperluan untuk semua daerah		
	Penyelenggaraan fluoride feeder (FF)	1. Dapatkan maklumat penyelenggaraan FF daripada JBA/ LAN 2. Dapatkan maklumat keperluan penyelenggaraan colorimeter daripada semua daerah		
2.	Anggar peruntukan diperlukan	Rancang dan agih peruntukan yang diperlukan dibawah aktiviti 50300 Mohon peruntukan tambahan setengah tahun jika perlu	TPKN(G)	

JBA (Jabatan Bekalan Air) LAN (Lembaga Air Negeri)

**PERMOHONAN PERUNTUKAN DI BAWAH DASAR SEDIA ADA
(ASET PERUBATAN)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Perolehan colorimeter (baru/gantian) Catatan: untuk tujuan penyeragaman bacaan paras fluorida, disyorkan colorimeter jenis <i>Hach Colorimeter</i>	Kenalpasti keperluan colorimeter	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)	Sebelum November tahun semasa
		Mohon keperluan colorimeter baru/ gantian dalam senarai permohonan aset perubatan tahunan	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)/ Penyelaras Negeri	Pada November tahun semasa
		Cantum semua maklumat dan kemukakan TPKN(G)	Penyelaras Negeri	Pada Disember tahun semasa
		TPKN(G) kemukakan kepada BKPKKM		Sebelum Januari tahun yang berikutnya

Catatan: Di peringkat daerah, permohonan dibuat 2 tahun sebelumnya; contohnya pada bulan November 2014, permohonan dibuat bagi peruntukan 2016

PERMOHONAN PERUNTUKAN DI BAWAH LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Latihan (Bagi anggota Kesihatan/Kesihatan Pergigian sahaja)	Senaraikan keperluan latihan untuk semua daerah menggunakan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (dalam negara) Masukkan dalam senarai perancangan latihan beserta peruntukan yang diperlukan dan kemukakan kepada BKPKKM	Penyelaras Negeri/ TPKN(G)	September tahun semasa Contoh: Permohonan untuk tahun 2015 dikemukakan pada bulan September tahun 2014

Catatan: Peruntukan di bawah Latihan Dalam Perkhidmatan tidak boleh guna bagi membiayai latihan bagi staf bukan KKM. Jikan ada peserta bukan staf KKM, gunakan belanja mengurus bagi membiayai peserta tersebut.

PERMOHONAN PERUNTUKAN DI BAWAH DASAR BARU/ONE-OFF
Pemantapan Program Pemfluoridaan Negeri

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Colorimeter	Kenalpasti keperluan colorimeter	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)	November tahun semasa
		Kemukakan kepada Penyelaras Negeri	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)	
		Cantum dan semak permohonan PPD dan kemukakan permohonan kepada BKPKKM	Penyelaras Negeri/TPKN(G)	Sebelum Disember tahun semasa
		Kemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan	BKPKKM	Mac tahun berikutnya
2	Penggantian fluoride feeder	Kenalpasti keperluan fluoride feeder	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)	November tahun semasa
		Kemukakan kepada Penyelaras Negeri	Pegawai Pergigian Daerah (PPD)	
		Cantum permohonan PPD dan kemukakan permohonan kepada BKPKKM	Penyelaras Negeri/TPKN(G)	Sebelum Disember tahun semasa
		Kemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan	BKPKKM	Mac tahun berikutnya

Catatan: Di peringkat daerah, permohonan dibuat 2 tahun sebelumnya; contohnya pada bulan November 2014, permohonan dibuat bagi peruntukan 2016

PERMOHONAN PERUNTUKAN DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN (RMK)

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Pemasangan fluoride feeder baru dan naik taraf FF	<ul style="list-style-type: none"> • Kenalpasti senarai loji <ul style="list-style-type: none"> ○ Kenalpasti loji baru mempunyai fluoride feeder ○ Kenalpasti loji sedia ada tiada fluoride feeder ○ Kenalpasti loji mempunyai fluoride feeder melebihi 10 tahun ○ Kenalpasti jenis fluoride feeder (manual vs automated) ○ Kenal pasti loji yang tiada <i>on-line monitoring fluoride analyzer</i> • Buat perancangan dan mohon peruntukan bagi pemasangan FF baru , naiktaraf FF sediaada dan penggantian di bawah Rancangan Malaysia berkenaan 	Penyelaras Negeri/TPKN(G)	<ul style="list-style-type: none"> • Dimasukkan dalam Pelan Induk RMK untuk RMK-11

PERBELANJAAN DASAR SEDIA ADA

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Melibatkan JBA/JKR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima peruntukan 2. Agihkan secara berperingkat 3. Subwaran kepada JBA 	TPKN(G) Sarawak, Perlis dan Sabah	Sebaik sahaja peruntukan diterima
2	Melibatkan Lembaga Air Perak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima peruntukan 2. Agihkan secara berperingkat 3. Subwaran kepada LAN 	TPKN(G) Perak	
3	Melibatkan Pejabat Pergigian Bahagian dan Lembaga Air Kuching/Sibu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima peruntukan 2. Agihkan secara berperingkat 3. Subwaran ke Pejabat Pergigian Daerah untuk perolehan. 4. Pembelian oleh Pegawai Pergigian Bahagian Agihan bahan fluorida kepada LRA 	TPKN(G) Sarawak	
4	JKR Sarawak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima peruntukan 2. Agihkan secara berperingkat 3. Subwaran ke Ibu Pejabat JKR negeri 4. Pembelian Pusat oleh Ibu Pejabat JKR negeri 	TPKN(G) Sarawak	

PEMANTAUAN PERBELANJAAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	TIMELINE
1	Laporan bulanan	Pejabat pergigian daerah atau negeri perlu mendapatkan laporan perbelanjaan sebelum 10hb setiap bulan dari JBA/LAN. Bagi tujuan tersebut, perkarar ini perlu dinyatakan semasa penghantaran waran peruntukan kepada JBA/LAN.	Penyelaras Negeri /TPKN(G) / Pembantu Tadbir Kewangan (PT (W))	Sebelum 10hb
2	Surat peringatan	Susul dengan surat peringatan sekiranya laporan tidak dikemukakan	Penyelaras Negeri/TPKN(G)	Jika perlu

PROGRAM PEMFLUORIDAN BEKALAN AIR AWAM
 BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SENARAI SEMAK LAWATAN KE LOJI RAWATAN AIR (LRA) YANG ADA FLUORIDE FEEDER

(Bagi LRA Swasta – lawatan dibuat jika ada masalah)

(Bagi LRA Kerajaan/Lembaga – sekurang-kurangnya sekali satu tahun)

NEGERI : _____

DAERAH : _____

NAMA LOJI RAWATAN AIR : _____

NAMA PEGAWAI DI LOJI : _____

JAWATAN : _____

NAMA TPKNG/PPGKA/PN/PPD : _____

JAWATAN : _____

TARIKH LAWATAN : _____

HAK MILIK LOJI : KERAJAAN LEMBAGA SWASTA

Bil.	Perkara	Pemerhatian		Catatan
1	FLUORIDE FEEDER			
1.1	Bilangan Fluoride Feeder:			
1.2	Status Fluoride Feeder	Fluoride Feeder 1	Fluoride Feeder 2	
	Berfungsi	Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Nyatakan: Bilangan hari tidak berfungsi: _____ Sebab tidak berfungsi: _____	Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Nyatakan: Bilangan hari tidak berfungsi: _____ Sebab tidak berfungsi: _____	
2	BAHAN KOMPAUN FLUORIDA			
2.1	Stok	Ada <input type="checkbox"/> Jumlah _____ kg Cukup untuk bekalan _____ bulan		

Bil.	Perkara	Pemerhatian	Catatan
		Tiada <input type="checkbox"/> Sebab: _____	
2.2	Tarikh luput	Ada <input type="checkbox"/> Nyatakan: _____ Tiada <input type="checkbox"/>	
2.3	Penyimpanan	Baik <input type="checkbox"/> Perlu Penambahbaikan <input type="checkbox"/> Nyatakan Cadangan: _____ - _____ _____	
3	PEMANTAUAN PARAS FLUORIDA		
3.1	Peratus pematuhan kepada paras optimum yang disyorkan (0.4-0.6 ppm) bagi 3 bulan yang terakhir (Rekod LRA) \geq 68%		
	(Mengikut NIA QAP)		
	Pencapaian:%		
3.2	Masalah pematuhan paras fluorida		
3.3	Tindakan Pencegahan dan Pembetulan pematuhan paras fluorida		

Bil.	Perkara	Pemerhatian	Catatan
3.4	Tindakan Susulan pematuhan paras fluorida		

Nama dan tanda tangan pegawai yang melawat

Nama dan tanda tangan Penyelia Loji

Catatan:

TPKNG: Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

PPD: Pegawai Pergigian Daerah/Bahagian

PN: Penyelaras Negeri bagi Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam

PPGKA: Pakar Pergigian Kesihatan Awam